



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**JENAYAH PENIPUAN MEMBABITKAN
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

12 SEPTEMBER 2018

1. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa terdapat cubaan penyamaran seorang wanita warganegara Amerika Syarikat yang menggunakan nama Kementerian untuk memperdaya orang ramai bagi tujuan penipuan.
2. Modus operandi yang digunakan ialah penyamaran sebagai pegawai di Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (sebelum penstrukturan) bersama pasport dan permit kerja rasmi dengan tempoh sah laku di mana suspek memberitahu beliau berminat untuk menyewa rumah yang telah diiklankan di internet.
3. Berdasarkan pemantauan, penipuan ini dilakukan secara rawak malah individu terbabit masih giat menjalankan jenayah penipuan dan penyamaran ini dalam talian (*online*).

4. Dengan ini, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli ingin menegaskan kepada orang awam bahawa individu terbabit bukan pegawai yang dilantik berkhidmat di mana-mana jabatan di bawah kementerian ini.
5. Kementerian ingin menasihatkan orang ramai agar tidak mudah percaya dan berhati-hati dengan taktik penipuan seumpama ini. Orang ramai juga wajar membuat semakan terlebih dahulu dengan kementerian berkaitan sekiranya berdepan dengan situasi seperti ini.

**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI
12 SEPTEMBER 2018**

LAMPIRAN

